



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Nombor ruang petak : _____

Borang Penyertaan 'Car Boot Sale'

Tempat : Letak kereta lama, Pantai Serasa

Masa : Setiap minggu kedua dan keempat

Sila isikan maklumat di bawah ini dengan betul :

Nama penjaja

No telefon

Alamat penuh

No. lesen pendaftaran kenderaan
yang akan digunakan untuk berniaga

Nombor resit bayaran :

Tarikh resit:

Bayaran bagi acara 'car boot sale' bertarikh : _____ (Minggu ke 2)

_____ (Minggu ke 4)

_____ (Minggu ke 2)

_____ (Minggu ke 4)

Tandatangan penjaja

Tarikh: _____

Perhatian : Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan jika terdapat sebarang pembatalan keatas penggunaan / penyewaan petak.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN ‘CAR BOOT SALE’ PANTAI SERASA

TAPAK / KAWASAN ‘CAR BOOT SALE’

1. Satu Lot Parking / letak kereta yang sediaada akan digunakan sebagai tapak untuk berniaga.
2. Penganjur (JASTRe) akan menjalankan sistem ‘Siapa Dulu Dia Dapat’ / ‘First Come First Serve’ iaitu sesiapa / peniaga yang dulu mendaftar dengan mengisikan Borang Pendaftaran dan undian akan dikenakan untuk mendapatkan lokasi tapak untuk menjalankan perniagaan.
3. Kami hanya menyediakan tapak perniagaan sahaja, segala peralatan perniagaan perlu dibawa sendiri. Tidak dibenarkan menggunakan khemah besar hanya payung atau khemah kecil sahaja dibenarkan mengikut saiz tapak letak kereta (payung / khemah kecil empat segi tepat atau bulat bersaiz 6mx6m sahaja).
4. Penjaja boleh menggunakan meja bersaiz kecil (dalam kawasan satu letak kereta yang diberikan), kerusi, tikar, canvas apa jua alas untuk meletak barang berniaga (tidak disediakan oleh penganjur).
5. Barang jualan haruslah di susun rapi dihadapan bonet kereta masing-masing dan tidak melebihi dari kawasan tapak yang disediakan untuk mengelakkan gangguan kepada pengunjung / pejalan kaki.
6. Penjaja perlu mengasingkan susunan barang baru dan terpakai serta packaging foods.
7. Saiz tapak berniaga ialah 6mx6m berlantaikan concrete dan bayaran dikenakan sebanyak B\$2.00 bagi setiap kemasukan sebuah petak.
8. Jika perlu tapak tambahan, peserta dibenarkan untuk membeli satu tapak (dengan harga yang sama) agar tidak mengganggu penjaja disebelah.
9. Tiada bekalan tenaga elektrik disediakan.

WAKTU ‘CAR BOOT SALE’ / PERNIAGAAN

1. ‘Car Boot Sale’ / Perniagaan akan dijalankan pada setiap minggu kedua dan minggu keempat hari Ahad.
2. Masa perniagaan bermula dari jam 8 pagi hingga 6 petang.
3. Penjaja digalakkan datang setengan jam lebih awal iaitu 7.30 pagi untuk persiapan tapak / kawasan perniagaan. Sekiranya ada sebarang masalah perlu memaklumkan kepada pihak penganjur.

.../1
4. Penjaja hanya dibenar membawa kenderaan masuk ke tapak perniagaan sebelum jam 8.00 pagi kerana selepas itu tidak dibenarkan lagi kerana akan mengganggu urusan perniagaan yang sedang bermula.
5. Selepas tamat masa yang diberikan, penjaja hanya dibenarkan membawa masuk barang-barang niaga ketapak niaga dengan cara alternative sendiri.
6. Penjaja ‘Car Boot Sale’ tidak dibenarkan menutup perniagaan sebelum tamat waktu perniagaan iaitu pada pukul 6 petang (Jika ada sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan HENDAKLAH memaklumkan kepada pihak penganjur).

PELEKAT KENDERAAN / STICKER

1. Keutamaan akan diberi kepada peserta yang berdaftar dan mempunyai pelekat kenderaan / sticker resmi 'Car Boot Sale' bagi membolehkan peserta tersebut mengambil tempat / lokasi perniagaan.

KEBERSIHAN TAPAK

1. Kebersihan perlu diutamakan, pembersihan petak berjaja hendaklah dibuat oleh peniaga sendiri setelah selesai berniaga dan di buang ditempat pembuangan sampah yang telah dikhaskan / walaubagaimanapun pembersihan akan dijalankan oleh pihak penganjur, penjaja juga harus menjaga kebersihan tapak / kawasan berniaga dimana penjaja tidak dibenarkan meninggalkan sampah (pepejal) dan jika dikesan, tindakan akan diambil.

SYARAT-SYARAT LAIN

1. Tidak boleh membuat bising dengan menggunakan peralatan seperti muzik audio. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab diatas segala kesulitan.
2. Penganjur tidak bertanggungjawab diatas sebarang kehilangan barang peribadi peserta.
3. Pihak penganjur berhak mengubah syarat-syarat dan peraturan dari masa kesemasa tanpa sebarang notis.

JENIS PERNIAGAAN TERLIBAT

1. Baarang-barang terpakai seperti cenderahati, hiasan rumah, beg, kasut, buku-buku lama, rekod lagu, video, permainan kanak-kanak, setem, koleksi duit syiling, perabut, perkakas dapur / memasak, permainan sukan, peralatan tukang, aksesori dan lain-lain lagi barang terpakai yang didalam keadaan baik.
2. Barang-barang baru seperti pakaian lelaki dan wanita, aksesori, makanan tambahan / kesihatan (Business Online) – (Penganjur menggalakkan barang baru yang dijual dengan lebih murah dari pasaran).
.../2
3. Packaging foods – segala dessert / kuih / jeruk / buah yang sudah di 'packing'. Nasi lemak / nasi goreng / mi goreng tidak dibenarkan.
4. 'Main Services' – seperti kad talian 'power card' dan lain-lain.

JENIS AKTIVITI / BARANGAN PERNIAGAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Apa saja produk yang terlarang menurut Undang-Undang Negara termasuk Senjata Api dan barangan makanan tidak HALAL untuk umat Islam
2. Barang cetak rompak.
3. Barang-barang yang menyalahi copyright (contoh smartcard untuk Astro)
4. Binatang-binatang hidup (binatang peliharaan atau liar).
5. Ayam, daging & makanan laut mentah.

6. Aktiviti menyalai / memanggang dan memasak-masak.

JADUAL SEWA DAN PEMBAYARAN.

1. Sebelum bayaran sewa dibuat, pemohon 'Car Boot Sale' hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu dengan mengisikan borang pendaftaran yang telah disediakan dalam masa seminggu sebelum acara 'Car Boot Sale' bermula.
2. Bayaran penggunaan petak sebanyak B\$2.00 (bagi sekali kemasukan) hendaklah dijelaskan di Tingkat 1, Bangunan Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan selepas pendaftaran dibuat pada waktu bekerja seperti berikut :

Isnin – Khamis : 8.30 pagi – 11.00 pagi
2.00 Petang – 3.00 petang

Sabtu : 8.30 pagi – 10.00 pagi

3. Selepas membuat pembayaran di Tingkat 1, penjaja hendaklah mendapatkan pelekat resmi kereta (nombor petak) dari tingkat 2 di bangunan yang sama melalui undian yang telah dibuat untuk dipamerkan didalam kereta dan boleh dilihat dengan jelas oleh kakitangan bertugas semasa kenderaan penjaja memasuki tapak / petak.
4. Penjaja tidak dibenarkan memasuki tapak untuk meneruskan peniagaan jika belum menjelaskan bayaran menggunakan petak pada waktu pendaftaran dimana pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan penjaja dan menawarkan tapak petak tersebut kepada penjaja lain tanpa sebarang notis.

.../3

PERINGATAN UNTUK PENJAJA.

- Acara bermula pukul 8 pagi hingga 6 petang
- Bila tiba dilokasi berniaga, kakitangan bertugas akan membantu peserta 'Car Boot Sale' ke tempat petak jualan yang telah ditetapkan.
- 'Carboot Sale' akan dibatalkan sekiranya hari hujan dan bayaran pendaftaran masuk (B\$2) tidak akan dikembalikan.
- Khemah meja, kerusi dan tongsampah tidak akan disediakan.
- Penjaja boleh meninggalkan tapak (beserta dengan barang jualan masing-masing) bila-bila masa tapi sila laporkan pada kakitangan bertugas supaya mereka boleh bantu anda keluar dengan selamat.
- Pelekat kereta hendaklah di pameran dan diserahkan kepada kakitangan bertugas jika hendak keluar dari tapak jualan.
- Semua pelekat kereta akan dikutip oleh kakitangan bertugas sebelum selesai acara.
- Jangan tinggalkan sampah setelah selesai acara. Sampah hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah yang telah dihaskan.
- Hanya satu petak akan disediakan untuk seorang penjaja.

PERKARA YANG BOLEH MEMBATALKAN HAK SEBAGAI PENJAJA.

1. Mengedarkan bahan anti / penentang kerajaan dan yang bertentangan dengan budaya kemasyarakatan.
2. Aktiviti yang menjejaskan imej serta merugikan pengurusan 'Car Boot Sale'
3. Menimbulkan kekecohan ditapak perniagaan
4. Menjual barang yang salah disisi Undang-Undang Kerajaan Brunei Darussalam.
5. Tidak membayar sewa tapak (tidak mempunyai pelekat resmi nombor petak).
6. Aktiviti yang mengganggu ketenteraman awam dan masyarakat setempat.
7. Tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan perniagaan.
8. Menjadikan tapak perniagaan sebagai pusat operasi mana-mana parti politik.

.../4

Entries for 'Car Boot Sale'

Instruction

- 1) The applicant must download this form from the website of the Department of Environment, Parks and Recreation and can fill in on line. Forms must be completed except in the area of Payment Receipt Number and Date of Receipt.
- 2) Once the form is completed, the applicant is required to come to the address mentioned below to make the payment of usage (rent) space according to the number of entries required.

Finance Section
1st Floor,
Environment, Park and Recreation Department
Ministry of Development
Tumasek Plaza Building
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

- 3) Once payment is made, the applicant is required to submit receipts to the Divisions of Parks and Recreation at level 2 in this department to receive car sticker for verification participation 'car boot sale' on the specified date.

Attention:

Applicants are allowed to join 'car boot sale' once or more (at most 4 times) during a period of two (2) months ie on every second and fourth weeks of each month.

Usage fees or rent for a plot is B\$2.00 per registration or admission.

Plot size is 6m x 6m.